

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**INSTITUSI PENDIDIKAN KPM DIMINTA PATUHI GARIS PANDUAN  
PENGANJURAN PROGRAM DAN PENERIMAAN SUMBANGAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian serius isu penganjuran program amal di sebuah sekolah yang melibatkan sumbangan syarikat minuman keras seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.

Isu ini berada dalam perhatian KPM dan siasatan lanjut sedang dijalankan. Pentadbir di institusi pendidikan KPM diingatkan untuk mematuhi garis panduan sedia ada berkaitan dengan penganjuran program dan penerimaan sumbangan.

KPM mengalu-alukan usaha sekolah untuk menganjurkan program dan mendapatkan sumbangan bagi tujuan pembangunan selaras dengan inisiatif Sekolah Milik Masyarakat. Namun ini perlu dilaksanakan berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2018. Ia melarang sumbangan yang melibatkan hasil aktiviti perjudian, rokok, dadah, minuman keras dan seumpamanya yang boleh menjelaskan perkembangan potensi murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

KPM sentiasa proaktif menangani gejala sosial dalam kalangan generasi muda. Pelbagai program kesedaran dan pendidikan pencegahan dianjurkan di sekolah bertujuan untuk memberi bimbingan kepada murid.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
22 JULAI 2024**